

Utamakan nilai moral: PM

BH 24 DEC 1993

P
KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat mengenai bahaya pengaruh negatif terhadap nilai moral serta kesannya ke atas struktur masyarakat pada masa depan.

Menurut Perdana Menteri, kemungkinan itu sudah terbukti berlaku di kalangan masyarakat negara maju sehingga tamadun mereka mengalami masalah dan mulai menurun.

Sehubungan dengan itu, katanya, generasi Wawasan 2020 hendaklah mengutamakan nilai moral dan etika supaya sebarang pencapaian negara akan menjadi lebih bermakna.

"Kebanyakan kejatuhan tamadun Barat berpunca dari-

pada sikap negatif masyarakat itu sendiri walaupun mereka bertungkus-lumus ketika membina dan mengajar kejayaan.

"Oleh itu, kita menggariskan dua cabaran utama kepada generasi Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat demokrasi yang matang dan rakyat Malaysia yang bersatu padu.

"Matlamat ini bertujuan melahirkan masyarakat saling memahami dan bertolak ansur supaya wujud bangsa Malaysia yang setia dan dedikasi kepada negara," katanya.

Perdana Menteri berucap di Persidangan Antarabangsa Pelajar Malaysia mengenai Wawasan 2020 bertajuk 'Wawasan Graduan 90-an ke

arah 2020' di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) di sini, hari ini.

Persidangan itu disertai kira-kira 100 pelajar Malaysia dari pelbagai universiti di seberang laut serta 40 wakil pelajar institusi pengajian tinggi tempatan.

Dr Mahathir mahu generasi Wawasan 2020 mewujudkan dasar terbuka dalam pemerintahan negara supaya masyarakat pelbagai kaum dapat berkongsi hidup dalam suasana yang lebih baik.

"Masih banyak yang perlu kita lakukan dalam tempoh 312 bulan lagi untuk mencapai tahun 2020. Semua pihak boleh berfungsi dan menyumbang sesuatu untuk mencapai hasrat mulia itu," katanya.

Perdana Menteri turut me-

nolak dakwaan pihak tertentu kononnya Wawasan 2020 hanya menekankan kejayaan ekonomi serta kepentingan golongan tertentu semata-mata.

"Ekonomi hanyalah sebahagian matlamat itu kerana ia adalah asas kepada suatu kehidupan yang lebih baik pada masa depan. Bagaimanapun, ekonomi akan lebih baik jika masyarakat bersatu padu," katanya.

Beliau mengingatkan generasi Wawasan 2020 supaya menilai sejarah terutamanya ketika tokoh-tokoh negara berjuang membebaskan cengkaman penjajah sejak berabad lamanya.

"Sebagai generasi muda,

LIHAT MUKA 2

Utamakan nilai moral: PM

DARI MUKA 1

anda hendaklah melihat ke belakang supaya sedar betapa pentingnya keamanan dan kemantapan ekonomi kerana tanpa kedua-duanya kita akan terus mundur dan dibelenggu," katanya.

Perdana Menteri kemudiannya mengadakan dialog dengan pelajar berkenaan mengenai pelbagai isu semasa termasuk dasar kerajaan serta kebajikan pelajar tempatan dan seberang laut.

Beliau memberi jaminan kerajaan akan menyediakan asas kukuh bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Ini termasuk dasar yang tegas bagi menghapuskan kemiskinan dan menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat.